

PENGARUH SUKU KAUM JAWA DAN BUGIS DALAM MEMBENTUK
KEPELBAGAIAN SENI BINA JOHOR

NORAZILA BINTI KAMARULZAMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2019

DEDIKASI

Istimewa untukNya, ayahanda, bonda, suami, anak-anak, keluarga, pensyarah dan sahabat.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Taala atas limpah dan kasih sayangNya dalam mengurniakan ilmu yang tidak ternilai ini. Dikurniakan seorang penyelia yang sangat hebat seperti Prof Madya Dr Raja Nafida binti Raja Shahminan merupakan anugerah yang tidak ternilai. Ketegasan, kesabaran dan keikhlasan beliau dalam mencurahkan ilmu sepanjang perjalanan pengajian ini adalah sangat-sangat dihargai. Syukur yang tidak terhingga atas kritikan, tunjuk ajar dan buah fikiran serta toleransi yang diberikan sepanjang empat tahun menuntut ilmu bersama beliau. Pengalaman yang beliau berikan adalah sangat bernilai dan tiada gantinya. Ucapan ini juga ditujukan kepada penyelia kedua saya iaitu Prof Madya Dr Fawazul Khair bin Ibrahim yang banyak memberikan idea dalam menyelesaikan permasalahan di sepanjang pengajian ini. Semangat dan dorongan yang diberikan menjadikan saya lebih yakin dalam mengharungi liku ini. Semoga Allah merahmati segala ilmu dan usaha yang telah dicurahkan kepada saya. Terima kasih diucapkan juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) kerana membiayai pengajian ini. Di samping itu, ribuan terima kasih juga diberikan kepada staf di Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, staf Fakulti Alam Bina dan Ukur, SPS, para pensyarah dan rakan-rakan *Post Graduate* dan semua sahabat handai yang memberikan semangat kepada saya. Akhir kata, semoga Allah merahmati anda sekalian dan dikurniakan nikmat yang berganda. Hanya Allah yang mampu membalas jasa kalian semua. Sekian, terima kasih.

ABSTRACT

Johor, a well-known state located in the southern part of the Malay Archipelago has received the arrival of external influences from the early days of its establishment. Since 1528 and beginning from the collapse of the Melaka Kingdom in 1511, economic development, trade, soil fertility as well as the wisdom of Johor's rulers became the driving force that influenced the ethnics to develop a settlement in Johor. The aim of this study is to identify the influence of external ethnic communities who arrived for the purposes of settlement in forming Johor's traditional architecture. There are three main objectives of this study, namely to identify the ethnic settlements in Johor; to determine the most influential ethnic group which formed the characteristics of Johor's traditional architecture, and to examine the influence of these ethnic groups on the design and style of traditional Johor architecture. A qualitative method was used as the methodology in this study. Data collection was based on primary sources from site visits to traditional houses selected as the case study while secondary sources were based on research from measured drawing reports obtained from the Centre for the Study of Built Environment in the Malay World (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia as well as previous research related to this study. The analysis of this study was carried out on traditional houses of ethnics that had the highest population distribution in the district. Findings of this study found that the settlement of traditional Malay houses concentrated in Muar, Batu Pahat, Pontian and Kota Tinggi. The ethnic groups that dominated these settlements are Bugis, Javanese, Banjar, Malay, Minangkabau and Melayu Melaka. Bugis traditional houses from Sulawesi had more influence on the formation of traditional houses in Johor. This research has shown the influence of the Bugis community on Johor's traditional houses. This understanding is important in order to sustain the identity of Johor's traditional houses.

ABSTRAK

Johor adalah negeri yang terletak di bahagian selatan Kepulauan Melayu. Johor terkenal sebagai negeri yang menerima kedatangan pelbagai pengaruh luar bermula dari awal pembentukannya pada tahun 1528, selepas dari kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511. Kemajuan ekonomi dalam perdagangan, kesuburan tanah serta kebijaksanaan pemerintah menjadi factor penarik kepada masyarakat luar yang datang membuat penempatan di Johor. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pengaruh masyarakat luar yang datang meneroka dalam membentuk karektor senibina warisan Johor. Terdapat tiga objektif utama kajian ini iaitu untuk mengenalpasti kawasan penempatan masyarakat yang datang meneroka di Johor; mengkaji suku kaum yang paling kuat membentuk karektor senibina tradisional di Johor, dan menentukan pengaruh masyarakat tersebut terhadap rekabentuk dan gayarupa senibina tradisional Johor. Metodologi yang digunakan adalah melalui kajian kualitatif. Pengumpulan data dijalankan berdasarkan sumber primer iaitu dari kajian lapangan terhadap rumah-rumah yang dijadikan kajian kes, dan sumber sekunder berdasarkan penelitian terhadap kajian lukisan terukur yang telah dijalankan oleh Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia serta kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan topic kajian ini. Analisis kajian adalah terhadap senibina rumah tradisional suku kaum tersebut yang terletak di daerah yang mempunyai taburan penduduk mengikut suku kaum teramai. Hasil kajian menemukan taburan petempatan rumah tradisional Johor tertumpu di daerah Muar, Batu Pahat, Pontian dan Kota Tinggi. Suku kaum yang mendominasi daerah-daerah tersebut pula terdiri daripada masyarakat Bugis, Jawa, Banjar, Melayu, Melayu Minangkabau, dan Melayu Melaka manakala senibina rumah tradisional Bugis dari Kepulauan Sulawesi pula lebih banyak mempengaruhi senibina rumah tradisional di Johor. Penyelidikan ini telah merungkai pengaruh masyarakat Bugis terhadap senibina rumah tradisional Johor. Pemahaman ini adalah amat penting demi mengekalkan identity rumah tradisional Johor.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kerajaan Johor merupakan kesinambungan daripada Kerajaan Melayu Melaka. Serangan daripada Portugis pada tahun 1511 menyebabkan Sultan Mahmud Shah; pemerintah Kerajaan Melaka melarikan diri ke Bentan. Langsung daripada serangan itu menyebabkan penubuhan Kerajaan Johor oleh Sultan Alauddin Riayat Syah pada tahun 1528; putera kepada Sultan Mahmud Shah I dari kerajaan Melayu Melaka (Ghazali & Borhan, 1994). Bermula dari pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II, Johor didatangi oleh pengaruh luar untuk meluaskan kuasa, mengembangkan kekayaan dan menambahkan ekonomi keluarga. Johor dimajukan menjadi sebuah pusat perdagangan dan pelabuhan yang terkenal di rantau Asia.

Pelbagai faktor telah dikenal pasti dalam mendorong kemasyhuran kerajaan Johor. Menurut Kassim Thukiman (2011), kejayaan kerajaan Johor adalah disebabkan oleh kebijaksanaan pimpinan pemerintah, kedudukan geografi Johor yang strategik iaitu di Selatan Semenanjung dan terletak berhampiran dengan pusat entrepot Singapura serta keamanan dalam negeri. Johor juga terkenal dengan hasil hutan yang banyak dan tanah yang subur. Kesuburan tanah di Johor telah menyebabkan kegiatan pertanian yang dahulunya merupakan tanaman tradisional bertukar menjadi pertanian dagang (Muhamad Solehin Fitry, 2014).

Dasar keterbukaan kepada suku kaum luar dipengaruhi oleh kedudukan entrepot Singapura sebagai laluan masuk. Sistem pengangkutan yang menggunakan laluan sungai turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Johor. Disebabkan faktor tersebut, Johor berjaya menarik minat pedagang asing dan suku kaum lain untuk menjalankan perniagaan seterusnya membawa kepada kejayaan kerajaan Johor. Akibat daripada penjajahan di tempat asal dan perpindahan golongan-golongan ini, ia

telah mewarnai keadaan politik, ekonomi, seni bina dan budaya di Negeri Johor sehingga ke hari ini.

Pedagang dan suku kaum yang memasuki Johor boleh dikategorikan berdasarkan kepada tujuan kedatangan mereka ke Johor. Portugis, Inggeris, Belanda dan Jepun misalnya datang ke Johor untuk menguasai ekonomi dan perdagangan di Johor (Arkib Negara Malaysia, 2017). Perancangan yang teliti telah direncanakan bagi membolehkan ianya dapat direalisasikan. Akan tetapi, disebabkan oleh banyaknya pengaruh luar yang menginginkan Johor, maka penguasaan mereka hanya untuk sementara akibat perebutan yang berlaku. Bagi suku kaum lain seperti Aceh, Jambi, Arab, Siak, Minangkabau dan Bugis, tujuan mereka ke Johor adalah untuk mencampuri dan menguasai pemerintahan di Johor. Manakala beberapa suku kaumlain seperti Jawa, Banjar, Riau, India, Melayu Melaka dan Melayu Kelantan, perpindahan mereka ke Johor adalah untuk mendapatkan sumber pencarian bagi menampung kehidupan (Thukiman. K, 2011).

Pengaruh suku kaum dari Kepulauan Melayu menjadikan perkahwinan sebagai medium utama bagi menjayakan agenda yang dirancang. Misalannya; perkahwinan antara Sultan Alauddin Riayat Shah II dengan Ratu Kerajaan Aru, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil II dengan puteri Kerajaan Aceh (Adil. H, 1971), Sultan Abdullah Ma'ayat Shah dengan adinda Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (Ghazali & Borhan, 1994) dan perkahwinan antara Raja Muda Bajau; putera Sultan Abdullah Ma'ayat Shah dengan Pangiran Ratu Jambi (R.O, 1992).

Campur tangan politik dan pembauran (asimilasi) di kalangan suku kaumtelah membentuk gaya seni bina rumah kediaman yang pelbagai ragam. Menurut Surat, Nik Abdul Rahman, dan Ab. Razak, (2010), suku kaum yang datang dari pelbagai daerah dari Kepulauan Melayu telah membawa pelbagai budaya dan perwatakan seni bina sebelum berlakunya pembauran di kalangan penduduk tempatan yang akhirnya membentuk identiti seni bina rumah tradisional di Johor.

1.2 Rumah Tradisional Johor

Pada amnya, seni bina rumah tradisional terbentuk berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu faktor persekitaran, cara hidup, ekonomi, iklim setempat dan sebagainya. Reka bentuk rumah kediaman adalah lebih ringkas dan bersaiz kecil tanpa bilik. Bahan binaan yang digunakan adalah terdiri daripada bahan-bahan yang terdapat dipersekitaran rumah kediaman seperti batang pokok sebagai tiang dan kerangka rumah kediaman, buluh sebagai dinding dan daun nipah, sago dan daun pisang sebagai atap rumah. Rumah kediaman dibina secara berpanggung iaitu bertiang dan lantainya dibina tinggi dari aras tanah dan diikat dengan menggunakan rotan (Hashim dan Nasir, 2011).

Sebelum mendapat pengaruh daripada luar samada secara hubungan dagangan, politik atau kekuasaan, bumbung rumah tradisional adalah berbentuk bumbung panjang. Reka bentuk bumbungnya adalah menyerupai bentuk 'A', disudahi dengan tebar layar pada kedua-dua bahagian hujung bumbung dan mempunyai sebatang tulang perabung pada bahagian puncak bumbung. Oleh kerana pembinaannya yang mudah, reka bentuk rumah ini menjadi pilihan kepada penduduk-penduduk di Kepulauan Melayu. Disebabkan oleh perubahan zaman dan peredaran waktu, reka bentuk rumah tradisional berubah mengikut kebolehan dan kemahiran pertukangan. Pengaruh daripada unsur-unsur budaya sesuatu suku kaum serta evolusi yang melanda telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional (Surat, Nik Abdul Rahman, dan Ab. Razak, 2010). Daripada bumbung panjang, evolusi yang berlaku telah menyebabkan reka bentuk rumah tradisional berubah menjadi bumbung perabung lima dan kemudiannya menjadi rumah bumbung limas. Rumah Johor lebih dikenali dengan rumah bumbung limas.



Gambar foto 1.1 Rumah bumbung panjang



Gambar foto 1.2 Rumah bumbung perabung lima

Seni bina rumah tradisional Johor seringkali dikaitkan dengan dipengaruhi oleh suku kaum yang mendatangi negeri Johor. Menurut Surat et al (2010), konsep rumah bumbung limas adalah dipengaruhi oleh seni bina rumah tradisional di Kepulauan Riau-Lingga. Riau-Lingga pada ketika itu turut menerima pengaruh daripada Inggeris dan Belanda. Kebanyakan rumah berbumbung limas hanya digunakan oleh para pembesar. Bentuk rumah limas dikatakan telah diperkenalkan oleh para penghijrah dari Melaka selepas penaklukan Melaka dari Portugis dan Belanda. Sebelum kedatangan pengaruh Portugis dan Belanda, dikatakan bahawa seni bina rumah tradisional di kawasan Selatan dipengaruhi oleh reka bentuk suku kaum dari Aceh, Batak, Sulawesi dan Kepulauan Indonesia yang lain (Hanafi dan Yahaya, 2005).

Menurut Cahaya Jauhar Sdn Bhd (2014), pengaruh suku kaum terhadap seni bina rumah tradisional di Johor terbentuk daripada pembauran antara pengaruh suku kaum yang berpindah ke Johor dengan penduduk tempatan. Pembauran ini lalu disesuaikan dengan reka bentuk seni bina di Johor yang seterusnya membentuk identiti seni bina rumah tradisional Johor tersendiri. Seni bina rumah tradisional Johor bukan sahaja diperlihatkan melalui reka bentuk bumbung tetapi juga pada susunatur pelan lantai dan ornamentasi yang terdapat pada rumah tradisional.

Pada awalnya, pelan lantai rumah tradisional Johor adalah menyerupai pelan lantai rumah tradisional Melaka yang berbentuk panjang. Setelah berlakunya peralihan, berlaku pertambahan ruangan iaitu ruangan serambi dan anjung. Susunatur rumah tradisional Johor dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian hadapan, bahagian tengah dan bahagian belakang. Bahagian hadapan adalah sebagai ruang untuk tetamu dan pelbagai majlis keramaian, bahagian tengah adalah sebagai rumah tengah yang dikhususkan untuk ahli keluarga dan bahagian belakang sebagai rumah dapur. Di bahagian hadapanlah terletak ruangan anjung dan serambi. Di antara kedua-dua ruang itu, terdapatnya perbezaan ketinggian antara ruangan anjung dan serambi (Shikamaru, 2008).








Gambar foto 1.3 Rumah tradisional Johor di Batu Pahat

Rumah tradisional Johor dibina sederhana tinggi dari aras tanah untuk dijadikan sebagai tempat simpanan barang. Ruangan bawah rumah dikenali sebagai kolong dan ditutupi dengan pagar musang. Selain bertindak sebagai tempat penyimpanan, ruangan bawah rumah memberi kesan penyejukan pada ruangan dalaman rumah tradisional Johor serta memberi perlindungan dari binatang buas. Ciri-ciri rumah tradisional Johor juga digambarkan pada penggunaan ornamentasinya. Kebanyakan rumah tradisional Johor menerapkan unsur ornamentasi pada bahagian luaran rumah tradisional bagi menampakkan status pemilik rumah. Ornamentasi di temui pada bahagian atas pintu dan tingkap, kekisi tingkap dan tangga dan cucur bumbung, serta bahagian atas bumbung manakala di ruangan dalaman, ornamentasi ditemui pada bahagian atas dinding ke rumah ibu. Rumah tradisional Johor menggunakan bahan binaan daripada hutan berhampiran seperti rotan, kayu, nipah dan buluh tetapi setelah berlakunya evolusi dan pembauran, bahan binaan seperti batu bata, konkrit, zink dan genting telah digunakan dalam binaan.

1.3 Rumah Tradisional Jawa


Seni bina rumah tradisional Jawa dipengaruhi oleh pembinaan kayu yang telah dijalankan oleh tukang-tukang Jawa sejak beratus tahun dahulu. Reka bentuknya adalah berdasarkan kepada lima jenis bentuk bumbung iaitu *joglo*, *limasan*, *kampung*, dan *panggungpe* (Prihatmaji, Kitamori, dan Komatsu, 2012) dan *tajug* (Satwiko, 1999). Daripada keempat-empat jenis rumah tradisional Jawa, seni bina rumah bumbung *joglo* adalah yang susah dibina manakala rumah bumbung *panggungpe* merupakan yang paling ringkas dan mudah

Variant	<i>Panggung Pe</i>	<i>Kampung</i>	<i>Limasan</i>	<i>Joglo</i>	<i>Tajug</i>
<i>Panggung pe</i> <i>pokok;</i> <i>Kampung</i> <i>pokok;</i> <i>Limasan</i> <i>pokok; Joglo</i> <i>pokok; Tajug</i> <i>pokok</i>					


Gambar rajah 1.1 Rumah tradisional suku kaum Jawa (Satwiko, 1999)

Pemilihan jenis bumbung ini adalah menggambarkan status pemilikan rumah. Bagi rumah *kampung*, ianya dikhususkan kepada golongan biasa. Rumah *limasan* untuk golongan yang mempunyai status lebih tinggi. Rumah *jonglo* untuk golongan bangsawan ataupun golongan kaya (Alfari, 2017). Rumah *panggung pe* digunakan sebagai tempat tinggal ataupun warung manakala rumah *tajug* adalah sebagai rumah ibadat (Adiputra, 2019). Daripada kelima-lima jenis rumah tradisional ini, rumah *limasan* dan rumah *jonglo* sering menjadi pilihan kepada suku kaum Jawa.

Rumah tradisional Jawa yang paling tipikal adalah mengandungi ruang *pendopo*, *peringgitan*, *dalem*, *gandok*, *dapur*, dan *kamar mandi*. Bagi golongan yang lebih kaya, kadangkala terdapat ruangan tambahan lain iaitu *lumbung*, *kandang jaran* dan *musholla*. Daripada ruangan-ruangan tersebut, ruangan *dalem* merupakan ruangan yang paling penting dan akan ditemui di kesemua rumah tradisional Jawa (Satwiko, 1999).




Gambar rajah 1.2 Ruang asas bagi rumah tradisional Jawa (Satwiko, 1999)




Gambar rajah 1.3 Ruang tipikal bagi rumah tradisional Jawa (Satwiko, 1999)

Ruangan rumah tradisional Jawa terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ruang awam, ruang peribadi dan separa peribadi dan ruang perkhidmatan. Ruang awam terdiri daripada lawing pintu dan pendopo, ruang peribadi dan separa peribadi terdiri daripada ruang pringgitan, tratag, dalem dan gandok manakala ruang perkhidmatan terdiri daripada senthong, gadri, dapur dan kamar mandi.



Gambar rajah 1.4 Pembahagian ruang bagi rumah tradisional Jawa (Do-Yeon, Hye-Kyung, & Seo-Ryeong, 2013)

Sepertimana juga rumah tradisional yang lain, rumah suku kaum Jawa dibahagikan secara horizontal kepada beberapa bahagian iaitu kepala, badan dan kaki. Bahagian kepala adalah bermula dari puncak bumbung sehingga ke bahagian cucur atap; bahagian badan adalah daripada cucur atap sehingga ke aras pelantar manakala bahagian kaki adalah dari aras pelantar hingga ke tanah.



Gambar rajah 1.5 Pembahagian ruang secara horizontal bagi rumah tradisional Jawa (Do-Yeon, Hye-Kyung, & Seo-Ryeong, 2013)

Menurut Alfari (2017), pembinaan rumah *joglo* adalah yang paling rumit jika dibandingkan dengan rumah-rumah lain. Rumah joglo kebiasaannya dimiliki oleh golongan bangsawan ataupun kaya kerana penggunaan bahan binaannya. Bumbung rumah joglo terdiri daripada dua jenis bumbung iaitu bumbung yang mencuram pada ketinggian 45° dan bumbung dilapisan bawahnya dengan kecuraman 30° . Pada bahagian bawah bumbung curam itu disokong oleh empat batang tiang yang dikenali sebagai tumpang sari. Suku kaum Jawa percaya seandainya melanggar peraturan sewaktu pembinaan rumah ini dijalankan, pemilik rumah akan menerima kecelakaan.

Ruang utama rumah tradisional Jawa terdiri daripada *pendopo*, *peringgitan* dan *omah*. Ruang *pendopo* adalah ruang utama yang terletak di bahagian hadapan kompleks. Ia digunakan sebagai ruang untuk menyambut tetamu, perbincangan ataupun untuk upacara keagamaan. *Pendopo* dibina tanpa dinding dan kebiasaannya kelihatan pada rumah-rumah golongan bangsawan ataupun kaya. Ruang ini menggunakan binaan bumbung *joglo*. *Peringgitan* merupakan ruang yang menghubungkan antara *pendopo* dan *omah*. Ruang ini digunakan sebagai tempat aktiviti seperti permainan wayang kulit (Alfari, 2017). *Omah* adalah ruang utama. Ia terletak bersebelahan dengan ruang *peringgitan*. Aras lantai bagi ruang ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan ruang *peringgitan*. Dalam bahagian ruang *omah* terdapatnya ruang *emperan*, *dalem* dan *senhong*. *Senhong* terdiri daripada

tiga bahagian iaitu *senhong tengah*, *kiri* dan *kanan* (Kartono, 2005). *Senhong kanan* dan *kiri* menjadi ruang penyimpanan padi atau hasil tanaman lain manakala *senhong tengah* menjadi tempat tinggal tetap dewi sri. Kadangkala *senhong tengah* menjadi bilik tidur bagi pasangan yang baru berkahwin.




(a) Pendopo



(b) Peringgitan

Gambar foto 1.4 Contoh ruangan dalam rumah tradisional Jawa (Alfari, 2017)



Gambar rajah 1.6 Pelan lantai ruangan omah dalam rumah tradisional Jawa (Kartono, 2005)

Menurut Kartono (2005), orientasi rumah tradisional Jawa biasanya adalah menghadap ke arah Selatan kerana kepercayaan mereka terhadap Nyai Roro Kidul yang bersemayam di laut Selatan. Tetapi menurut Kartono (2005) lagi yang dipetik dari penulisan Betaljemur Adammakna bab 172, orientasi rumah tradisional Jawa adalah berdasarkan kepada hari kelahiran pemilik rumah yang berkaitan dengan arah empat penjuru angin. Dari aspek ornamentasi, kebiasaannya ditemui di rumah golongan bangsawan atau kaya. Motif yang dihasilkan adalah berbentuk flora, fauna, alam, dan geometri (Iswanto, 2008). Antara contoh motif flora yang digunakan adalah bunga matahari dan anggerik serta tumbuhan yang menjalar seperti kangkung dan paku pakis (Suprijanto, 2002).




(a) motif flora



(b) motif geometri



(c) motif fauna



(d) motif alam

Gambar foto 1.5 Contoh motif ukiran rumah tradisional Jawa

1.4 Rumah Tradisional Bugis

Reka bentuk rumah tradisional Bugis di Kepulauan Sulawesi menggambarkan status pemilik rumah. Secara amnya, golongan suku kaum Bugis terbahagi kepada tiga golongan iaitu *anakarung* ataupun *ana'karaeng*, *tomaradeka* dan *ata*. *Anakarung* adalah terdiri daripada golongan bangsawan; *tomaradeka* adalah golongan pertengahan ataupun rakyat biasa manakala *ata* adalah golongan orang suruhan (bukan hamba) (Hidayat, Amalia, dan Sakti, 2013). Setiap golongan ini mempunyai ciri-ciri seni bina yang tersendiri yang menggambarkan status pemilik rumah.




Gambar foto 1.6 Contoh rumah tradisional Bugis Tomaradeka (Jminee, 2018)




Gambar foto 1.7 Contoh rumah tradisional Bugis bagi golongan pertengahan (Msk, 2010)

Reka bentuk seni bina rumah tradisional suku kaum Bugis dibahagikan mengikut tiga jenis golongan yang telah dinyatakan iaitu *ana'karaeng*, *tomaradeka* dan *ata*. Walaupun begitu, apabila dibahagikan reka bentuk seni bina golongan suku kaum ini secara horizontal, ianya adalah berdasarkan kepada tradisi dan ketetapan adat golongan tersebut. Ianya terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu *rakkeang*, *ale bola* dan *awa bola*. *Rakkeang* adalah ruangan yang paling atas sekali iaitu ruangan bumbung ataupun loteng. *Ale bola* pula merupakan ruangan paling tengah iaitu yang menjadi ruangan tempat tinggal penghuni rumah. Di ruangan ini, terdapat ruangan titik sentral yang dikenali sebagai pusat rumah. Manakala *awa bola* merupakan ruangan paling bawah iaitu antara aras lantai dengan aras tanah.



Gambar rajah 1.7 Pembahagian secara horizontal rumah tradisional suku Bugis (Abidah, 2010)

Reka bentuk bumbung rumah Bugis adalah berbentuk bumbung panjang yang mencakupi dari ruangan serambi hingga ke ruangan dapur. Loteng dibina pada bahagian *rakkeang* sebagai tempat penyimpanan padi dan beras. Pada bahagian hujung bumbung, ianya ditutupi dengan lapisan tebar layar atau *timpa laja*. Bilangan lapisan *timpa laja* ini adalah berbeza-beza mengikut status pemilik rumah. Bagi rumah tradisional yang mempunyai lima lapisan *timpa laja*, ianya dimiliki oleh Raja. Bagi empat lapisan *timpa laja*, ia dimiliki oleh golongan bangsawan yang mempunyai jawatan tertinggi di jabatan-jabatan tertentu. Tiga lapisan *timpa laja* adalah untuk golongan bangsawan biasa, dua lapisan *timpa laja* untuk golongan *tomaradeka* atau golongan pertengahan manakala rumah tradisional dengan satu lapisan *timpa laja* adalah untuk golongan *ata* atau orang suruhan (Kamarulzaman, 2009).



Gambar rajah 1.8 Lapisan timpa laja bagi rumah tradisional Bugis di Sulawesi (Hidayat et al, 2013)

Tumpuan utama rumah tradisional Bugis adalah pada bahagian *ale bola*; iaitu ruangan yang menjadi tempat tinggal pemilik rumah. Suku kaum Bugis sangat menjaga perbezaan taraf hidup mereka dan sangat menghormati antara satu sama lain terutama sekali jika keturunan berlainan darjat. Seandainya tetamu terdiri daripada golongan berketurunan lebih tinggi darjatnya, layanan yang diberikan adalah lebih istimewa. Seandainya mereka dari keturunan yang sama darjatnya, layanan yang diberikan adalah sama tetapi seandainya mereka lebih rendah darjatnya dari pemilik rumah, layanan yang diberikan pula adalah biasa sahaja. Konsep ini diterapkan dalam reka bentuk rumah tradisional Bugis melalui perbezaan aras lantai dari ruangan anjung dan serambi. Tetamu yang kurang dikenali atau lebih rendah darjatnya hanya dilayan di ruangan serambi manakala yang lebih tinggi darjatnya dilayan di ruangan anjung.

Seni bina rumah tradisional Bugis adalah sangat unik. Mereka menggunakan kaedah binaan tradisional iaitu seperti hasta, depa, jengkal dan lain-lain. Bagi peletakkan pintu, ia adalah berdasarkan kepada ukuran genap bukaan rumah tersebut. Sebagai contoh seandainya ukuran panjang rumah adalah tujuh depa, peletakkan pintu adalah pada depa keenam atau empat yang diukur dari arah kanan, seandainya mereka tidak mengikuti tradisi yang diamalkan, rumah dikhuatiri akan mudah dimasuki pencuri. Dari segi pemasangan dinding, pemasangan dinding dilakukan secara

menegak. Bagi bukaan tingkap pula, mereka menggunakan bukaan tingkap labuh yang dilengkapi dengan kekisi tingkap. Bilangan kekisi tingkap juga memainkan peranan mengikut status pemilik rumah. Jumlah bilangan kekisi mestilah dengan bilangan ganjil. Bagi bilangan kekisi antara tujuh hingga sembilan batang kekisi, ianya adalah untuk golongan bangsawan. Manakala bagi bilangan kekisi antara tiga hingga lima batang kekisi, ianya dikhususkan untuk rakyat biasa. Bilangan bukaan tingkap bagi golongan bangsawan adalah sebanyak tujuh buah manakala bagi golongan biasa sebanyak tiga buah tingkap labuh.


Pada bahagian *awa bola* iaitu ruangan paling bawah sekali, sepertimana juga suku kaum yang lain, ruangan ini dijadikan sebagai ruang aktiviti. Bagi suku kaum Bugis yang bukan beragama Islam, ruangan bawah rumah dijadikan sebagai ruang menternak babi dan anjing manakala bagi yang memeluk ajaran Islam, mereka menternak lembu, kambing dan ayam yang menjadi sumber makanan mereka serta sebagai tempat menenun. Menurut Kamarulzaman (2009), ketinggian bawah rumah kebanyakannya adalah lebih daripada 2 meter tinggi. Bilangan tiang yang digunakan dalam reka bentuk rumah tradisional suku Bugis juga melambangkan status pemilik rumah. Bagi golongan bangsawan, bilangan tiang yang minimum adalah sebanyak 25 batang tiang serta berbentuk bulat manakala bagi rakyat biasa, bilangan tiang minimum adalah sebanyak 12 batang tiang yang berbentuk segiempat ataupun segilapan (Draakuskus, 2012). Binaan tangga akan dibina pada bahagian hadapan dan belakang rumah bagi memudahkan laluan keluar dan masuk. Kelebaran dan ketinggian tangga yang dibina hendaklah bersesuaian dengan panjang atau lebar rumah.

Ukiran yang terdapat di rumah tradisional suku Bugis adalah bermotifkan flora, fauna dan kaligrafi. Bagi motif flora, kebiasaannya bermotifkan bunga *parengreng* atau bunga yang cantik. Ukiran yang dihasilkan dengan menggunakan motif flora perlulah menjalar dan tidak putus kerana menurut kepercayaan mereka, supaya rezeki mereka sentiasa ada dan tidak putus. Ukiran diterapkan pada tingkap, tangga dan cucur atap. Motif kaligrafi ditemui pada ukiran di masjid ataupun rumah ibadat. Motif ukiran fauna kebiasaannya menggunakan ayam jantan, kepala kerbau, dan ular naga. Ayam jantan adalah sebagai simbol keberaniannya (Jminee, 2018). Peletakkannya adalah pada puncak bumbung rumah samada pada bumbung hadapan ataupun belakang.

Motif kepala kerbau melambangkan kekayaan dan status pemilik rumah. Ia diletakkan pada bahagian bumbung rumah golongan bangsawan. Manakala motif ular naga adalah melambangkan kekuatan yang luar biasa. Kebiasaannya ditemui di puncak bumbung dan juga tangga.



Gambar foto 1.8 Contoh motif ukiran flora rumah tradisional Bugis (Bafaddhal, 2016)



Gambar rajah 1.9 Contoh ukiran pada timpalaja (Jminee, 2018)

Dari aspek orientasi, rumah tradisional Bugis berorientasikan arah selatan dan barat. Seandainya rumah dibina berhampiran dengan sungai, binaan rumah akan membelakangkan kawasan sungai. Kawasan yang menjadi tumpuan suku Bugis adalah kawasan tanah rendah, sawah padi, laut dan danau berdasarkan kepada pekerjaan yang dilakukan oleh pemilik rumah.

1.5 Isu dan Kenyataan Masalah

Dalam sub topik ini akan membincangkan tentang isu dan permasalahan yang berlaku sehingga menyebabkan pengkaji memilih tajuk kajian tertentu. Bagi kajian ini, rumah tradisional negeri Johor telah dipilih berdasarkan kepada isu yang timbul sejak kebelakangan ini terutama sekali yang berkaitan dengan seni bina asli rumah tradisional Johor berikutan daripada isu penghijrahan pelbagai suku kaum pada suatu ketika dahulu ke negeri Johor. Permasalahan juga timbul adalah berikutan daripada pembangunan arus kemodenan yang memberi ancaman kepupusan kepada rumah tradisional Johor. Berdasarkan kepada pemerhatian dan kajian awal yang dijalankan, berikut merupakan permasalahan yang berlaku bagi tajuk kajian ini:

1.5.1 Seni bina bagi suku kaum sukar untuk dikenal pasti

Johor dikenali sebagai negeri yang banyak menerima kedatangan pengaruh dari pelbagai suku. Dasar keterbukaan pemerintah dan penduduk tempatan menyebabkan kehadiran golongan suku kaum ini diterima baik di Johor sebagai sebahagian daripada penduduk tempatan. Perpindahan mereka ke Johor telah mewarnai pembentukan kerajaan Johor kini. Kedatangan suku kaum ini pada mulanya hanya sementara tetapi disebabkan oleh keselesaan yang telah dinikmati di Johor menyebabkan mereka terus kekal di sini. Walaupun telah lama berpindah ke Johor, masih terdapat segelintir daripada suku kaum ini masih lagi mengamalkan cara hidup dan budaya mereka walaupun bukan berada di tanah air mereka. Disebabkan oleh cara hidup dan budaya suku kaum di Kepulauan Melayu ini hampir menyerupai dengan penduduk tempatan, maka proses pembauran (asimilasi) berlaku dengan mudah.

Pembauran dikalangan suku kaum telah memberi kesan terhadap gaya rupa seni bina rumah tradisional mereka. (rujuk gambar foto 1.5)




(a) rumah tradisional suku kaum Bugis di Makassar



(b) rumah tradisional suku kaum Bugis di Pontian, Johor



(c) rumah tradisional suku kaum Jawa di Kepulauan Jawa



(d) rumah tradisional suku kaum Jawa di Muar, Johor

Gambar foto 1.9 Perbezaan reka bentuk seni bina rumah tradisional suku kaum di Kepulauan Jawa dan di Johor

Gambar foto 1.9 di atas menunjukkan seni bina bagi rumah tradisional suku kaum Bugis di Makassar, Indonesia dan rumah tradisional suku kaum Jawa di Kepulauan Jawa. Daripada pemerhatian awal ini, dapat dilihat bahawa seni bina tradisional suku kaum Bugis di Makassar adalah berbentuk bumbung panjang tetapi apabila berlakunya pembauran dengan penduduk tempatan, seni bina rumah tradisional suku kaum bugis telah berubah kepada bumbung perabung lima. Permasalahan juga berlaku terhadap rumah tradisional suku kaum Jawa. Bumbung rumah tradisional di Kepulauan Jawa adalah menggunakan bumbung joglo tetapi setelah berlaku pembauran, reka bentuk seni binanya telah berubah menjadi rumah bumbung limas. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh berlakunya pembauran dikalangan penduduk tempatan dan suku kaum yang berhijrah ke Johor sehingga menyebabkan hilangnya keaslian identiti suku kaum tersebut.

1.5.2 Pengubahsuaian reka bentuk terhadap rumah tradisional

Pengaruh pembangunan yang semakin maju telah menyebabkan hilangnya identiti seni bina rumah tradisional bagi suku kaum. Berdasarkan kepada catatan yang direkodkan melalui pemerhatian sewaktu kajian inventori dijalankan terhadap rumah tradisional di negeri Johor, telah ditemui beberapa rumah tradisional suku kaum yang telah dijalankan pengubahsuaian sehingga menjejaskan seni bina asal rumah tradisional tersebut. Pengubahsuaian bukan sahaja melibatkan reka bentuk seni binanya malahan juga dari aspek bahan binaan.



(a) Rumah tradisional suku kaum Bugis di Pontian



(b) Rumah tradisional suku kaum Jawa di Batu Pahat

Gambar foto 1.10 Pengubahsuaian yang dilakukan terhadap seni bina rumah tradisional suku kaum Bugis dan Jawa di Tanah Melayu

Gambar foto di atas menunjukkan pengubahsuaian yang telah dijalankan terhadap rumah-rumah tradisional suku kaum Jawa dan Bugis. Ruangan anjung yang dahulunya diperbuat daripada kayu dan dibina tinggi telah dipindahkan ke bawah dan digantikan penggunaan tangga kayu dengan tangga konkrit. Bumbung diruangan anjung yang dahulunya berbentuk bumbung limas telah digantikan dengan bentuk bumbung pisang sesikat. Manakala tiang kayu yang dahulunya daripada kayu juga digantikan dengan tiang konkrit. Pengubahsuaian tersebut telah menyebabkan kehilangan keistimewaan seni bina rumah tradisional suku kaum tersebut.

1.5.3 Kekurangan rujukan seni bina dan pendokumentasian

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia, kajian mengenai rumah tradisional lebih tertumpu di bahagian Pantai Timur Semenanjung jika dibandingkan dengan kajian pada bahagian Barat Semenanjung. Terdapat juga kajian yang dijalankan pada bahagian Selatan Tanah Melayu namun, ia lebih menumpukan kepada seni bina rumah tradisional. Setakat ini, tiada kajian dan penaskahan yang menekankan kepada pengaruh suku kaum dalam seni bina rumah tradisional dijalankan khususnya di Negeri Johor. Walhal pada hakikatnya, Negeri Johor telah diketahui akan kepelbagaian pengaruh suku kaum yang memasuki negeri tersebut. Justeru itu, adalah menjadi satu tanggungjawab untuk menjalankan kajian bagi memberi pendedahan kepada orang ramai akan kepentingan kajian ini.

1.6 Jurang Kajian

Jurang kajian bagi penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada kajian terdahulu dan kajian terkini. Jurang kajian akan dianalisa dan dikategorikan berdasarkan kepada bidang masing-masing bagi mengenal pasti kajian yang sedang dijalankan, kajian yang telah dijalankan serta cadangan kajian bagi masa akan datang. Jurang kajian ini memfokuskan kepada kajian mengenai rumah tradisional. Berdasarkan kepada jurang kajian ini, penyelidikan mengenai rumah tradisional dikategorikan kepada enam

bahagian iaitu seni bina, sejarah, penempatan, landskap, pengaruh, dan budaya (rujuk Jadual 1.1). Ringkasan bagi keseluruhan sorotan kajian terdahulu adalah seperti berikut:

1.6.1 Kajian Terdahulu Terhadap Seni Bina

Kajian terhadap seni bina adalah menjerumus terhadap seni bina suku kaum, tipologi rumah tradisional serta konsep ruang dalaman rumah tradisional. Penulisan Mentayani (2008) mengkaji mengenai seni bina rumah tradisional suku kaum Banjar di Kalimantan Selatan. Seni bina tradisional ini akan dibandingkan dengan rumah bumbung tinggi masyarakat Banjar yang terletak di bahagian pesisiran bagi mengenalpasti seni bina tradisional masyarakat Banjar. Kartono J. L. (2005) menulis mengenai Konsep Ruang Tradisional Jawa Dalam Konteks Budaya. Penulisan ini bertujuan untuk memberi pemahaman terhadap perkaitan antara ruang rumah tradisional Jawa dengan ritual yang diamalkan. Yuhaniz dan Mohd Jusan (2016) mengkaji mengenai aktiviti dan peranan suri rumah dalam membentuk reka bentuk rumah kediaman. Penulisan Masri, Mohd Yunus, dan Sh. Ahmad (2016) yang bertajuk *The Serambi: Inculcation of Socio-cultural Values in Malay Tradisional Home Design* adalah mengenai tafsiran nilai budaya dan sosio budaya terhadap kualiti hidup yang diperolehi daripada kajian literatur yang komprehensif dalam konteks ruang serambi. Prijotomodan Rachmawaty menulis mengenai peranan topofilia yang mempengaruhi pembentukan seni bina rumah tradisional Indonesia dengan mengambil kira faktor kosmologi bugis, simbol dan metafora serta memastikan ianya berlandaskan kepada kepercayaan dan amalan dari turun temurun. Manakala Amir (1989) dalam penulisannya yang bertajuk *Seni bina Jawa-Hindu kepada Islam: Satu Kajian Terhadap Idea dan Bentuk* menjelaskan mengenai perkaitan antara ajaran Hindu dalam seni bina Jawa terhadap Islam.

1.6.2 Kajian Terdahulu Terhadap Sejarah

Kajian terdahulu terhadap sejarah melibatkan tujuh bentuk penulisan. Omar, Mohd Tamrin, Hussin dan Nelmawarni (2009) menulis mengenai Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor. Penulisan ini adalah untuk mengenal pasti penempatan yang menjadi tumpuan suku kaum Bugis serta untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penghijrahan suku kaum ini ke Tanah Melayu. Penulisan bertajuk Sejarah Migrasi orang Banjar ke Malaysia oleh Mohamed Salleh Lamry adalah bertujuan untuk mendapatkan kepastian mengenai permulaan penghijrahan suku Banjar ke Tanah Melayu serta meninjau akan perkembangan suku kaum ini bermula dari abad ke 20 hingga kini. Penulisan buku yang bertajuk Masyarakat Keturunan Jawa di Johor oleh Mohamed dan Kamil (2011) adalah mengenai penghijrahan suku kaum Jawa ke Johor serta faktor-faktor yang menyebabkan penghijrahan itu berlaku.

Penulisan Esa (2014) pula adalah berkenaan dengan Sejarah awal masyarakat Arab di Johor. Dari penulisan ini dapat diketahui akan permulaan kedatangan masyarakat Arab ke Johor, peranan mereka sebagai golongan yang dipertanggungjawabkan sebagai guru agama serta penglibatan suku ini dalam politik. Tamrin dan Bohari (2014) menulis mengenai orang Jawa di Pontian bagi mengenal pasti kawasan yang menjadi penempatan masyarakat Jawa di Pontian dan mengenal pasti peranan masyarakat ini terhadap perkembangan ekonomi di Pontian. Tamrin (1977) juga menulis mengenai orang Jawa di Selangor iaitu yang difokuskan kepada faktor kedatangan dan penempatan di Selangor yang menjadi tumpuan masyarakat Jawa ini. Manakala Arridzo dan Balwi (2014) menulis mengenai migrasi tradisi pesantren Jawa ke Malaysia iaitu bermula dari awal abad ke-20. Ianya adalah bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penghijrahan ke Tanah Melayu serta mengenal pasti peranan sekolah pondok suku Jawa di Tanah Melayu.

1.6.3 Kajian Terdahulu Terhadap Penempatan

Penulisan mengenai penempatan telah ditulis oleh Jais (1988) berkenaan dengan Penempatan Awal Suku Jawa Dan Pengaruhnya Dalam Budaya Dan Seni Bina di Semenanjung khususnya di negeri Johor. Penulisan ini adalah bagi mengkaji sejarah awal penempatan masyarakat Jawa di Semenanjung Malaysia serta mengkaji falsafah seni bina suku Jawa yang telah berlaku pembauran. Kawasan penempatan adalah berhampiran dengan sungai atau parit dan terletak di kawasan pedalaam. Pembukaan penempatan adalah berdasarkan kepada sistem perparitan.

1.6.4 Kajian Terdahulu Terhadap Landskap

Penulisan Rosley, Mohd Zain dan Samsuddin (2014) berkenaan *The Interaction of Culture in Shaping The Traditional Landscape of Johor's Malay Landscap* menjelaskan mengenai peranan budaya dalam membentuk identiti landskap tradisional Melayu.

1.6.5 Kajian Terdahulu Terhadap Pengaruh

Penulisan oleh Mayang Sari dan Melinda (2004) bertajuk Aplikasi Pengaruh Islam pada interior rumah bumbung tingi di Kalimantan Selatan adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembentukan ruang dalaman rumah bumbung tinggi.

1.6.6 Kajian Terdahulu Terhadap Budaya

Kajian terhadap budaya pula melibatkan tiga topik iaitu oleh Maiwan (2011) bertujuan untuk memahami pembentukan identity, budaya dan tradisi masyarakat di Kampung Semarang, Dengkil, Selangor serta untuk mengetahui dan memahami proses

bagi mempertahankan identiti seni binanya. Penulisan oleh Yana dan Yew (2017) mengenai Amalan Rewang dalam Masyarakat Jawa di Malaysia adalah untuk mewujudkan penyatuan dalam kehidupan, sebagai lambang identiti suku Jawa serta nilai komersial yang tinggi bagi menjamin hubungan kekeluargaan. Penulisan *Identity and Culture Change of Javanese in Johor* mengisarkan mengenai sifat suku kaum Jawa yang sopan, bertimbangrasa dan berhati-hati dalam sebarang perkara.

Daripada jurang kajian ini kekurangan kajian telah dapat dikenal pasti. Sehingga ke hari ini, masih belum terdapat penyelidikan yang dijalankan mengenai pengaruh suku kaum lebih-lebih lagi sehingga membentuk kepelbagaian seni bina tradisional. Kajian-kajian terdahulu lebih menjerumus terhadap seni bina, landskap, sejarah dan petempatan tetapi tidak memfokuskan kepada pengaruh seni bina lebih-lebih lagi yang melibatkan pengaruh suku kaum Jawa dan Bugis terhadap kepelbagaian pembentukan seni bina rumah tradisional Johor.

1.7 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh suku kaum Jawa dan Bugis terhadap seni bina rumah tradisional di negeri Johor. Hal ini adalah kerana, Johor sangat dikenali sebagai negeri yang menerima kemasukkan pelbagai pengaruh daripada suku kaum dari Kepulauan Melayu, Eropah ataupun Asia. Setiap suku kaum mempunyai identiti rumah tradisional mereka yang tersendiri. Daripada penulisan Cahaya Jauhar Sdn. Bhd (2014) mendapati bahawa seni bina rumah tradisional Johor yang terbentuk adalah berdasarkan kepada pembauran antara penduduk tempatan dan suku kaum yang berhijrah tetapi disesuaikan dengan reka bentuk seni bina negeri Johor lalu membentuk identiti rumah tradisional Johor. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk mengetahui sejauh mana budaya dan cara hidup suku kaum Jawa dan Bugis dari Kepulauan Indonesia mempengaruhi seni bina rumah tradisional di negeri Johor.

1.8 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif bagi memenuhi dan mencapai matlamat utama kajian iaitu:

- (a) Menenal pasti penempatan suku kaum yang mendatangi Johor
- (b) Mengkaji suku kaum yang paling kuat membentuk kepelbagaian seni bina di Negeri Johor
- (c) Menentukan pengaruh suku kaum Jawa dan Bugis terhadap reka bentuk dan gaya rupa yang membentuk kepelbagaian seni bina Johor

1.9 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang dibangkitkan iaitu:

- (a) Dimanakah tumpuan penempatan suku kaum yang mendatangi Johor?
- (b) Apakah faktor yang mempengaruhi kedatangan golongan suku kaum ini ke Johor?
- (c) Apakah faktor yang menyebabkan pemilihan sesebuah penempatan?
- (d) Bagaimanakah budaya dan cara hidup golongan suku kaum ini mempengaruhi seni bina dan gaya rupa rumah tradisional mereka?

Suku kaum manakah yang paling kuat mempengaruhi seni bina rumah tradisional di Johor?

1.10 Takrif

Dalam subtopik ini akan menerangkan tentang takrifan dan batasan bagi tajuk kajian.

1.10.1 Pengaruh

Kamus Dewan Edisi Keempat (2018) mentakrifkan pengaruh sebagai kuasa yang terbit daripada orang, benda dan lain-lain atas orang, benda dan lain-lain. Ia juga mentakrifkan pengaruh sebagai kekuatan batin, ghaib dan lain-lain yang meninggalkan kesan pada orang dan lain-lain. Tangkeallo. Richard, (2016) yang dipetik daripada WJS.Poerwardaminta mentakrifkan pengaruh sebagai daya yang ada atau timbul dari sesuatu, baik orang maupun benda dan sebagainya yang berkuasa atau yang berkekuatan dan berpengaruh terhadap orang lain.

Bagi kajian ini, pengaruh yang akan dikaitkan adalah berkenaan dengan budaya dan gaya hidup. Kamus Dewan Edisi Keempat (2018) mentakrifkan budaya sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, dan akal budi; cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. Menurut Morshidi. S (2016), budaya adalah satu cara hidup yang sentiasa berkembang dan dimiliki oleh setiap manusia. Ia di sama ertikan dengan bangsa, karya seni yang pelbagai, bahasa, pemakanan, cara pemakaian dan sebagainya. Manakala gaya hidup ditakrifkan sebagai cara tertentu seseorang individu atau sesuatu kumpulan menjalani kehidupan dengan agak sederhana, mewah dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2018).

1.10.2 Kaum

Kamus Dewan Edisi Kedua (2017), mentakrifkan kaum sebagai golongan orang daripada satu bangsa yg besar; suku bangsa; saudara-mara; keluarga; kerabat; golongan orang yg sama pekerjaannya.

1.11 Skop Kajian

- (a) Kajian akan merangkumi kesemua rumah tradisional di Negeri Johor yang terletak di empat buah daerah iaitu Muar, Batu Pahat, Pontian dan Kota Tinggi.
- (b) Rumah-rumah yang dipilih adalah rumah-rumah lama yang berusia lebih daripada 40 tahun, mempunyai banyak elemen seni bina yang tinggi yang masih boleh dikenal pasti
- (c) Latar belakang suku kaum keluarganya dapat dikenal pasti.

1.12 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) Membentuk jati diri yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang atau setiap golongan suku kaum.
- (b) Memberi pemahaman kepada suku kaum akan pengaruh suku kaum Jawa dan Bugis dalam membentuk kepelbagaian seni bina Johor.
- (c) Menyumbang kepada penyelidikan yang sedang atau telah dijalankan terhadap rumah tradisional.

1.13 Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian pengaruh suku kaum Jawa dan Bugis dalam membentuk kepelbagaian seni bina Johor adalah kaedah kualitatif. Peringkat awal kajian ini akan melibatkan kajian pustaka yang terdiri daripada kajian sejarah dan memasukkan suku kaum ke Johor, kawasan penempatan yang menjadi tumpuan suku kaum yang berhijrah ke Johor, faktor yang menyebabkan

penghijrahan suku kaum ini ke Johor, kajian seni bina rumah tradisional Johor; seni bina rumah tradisional suku kaum Jawa dan Bugis di Johor dan Kepulauan Indonesia serta kajian budaya bagi suku kaum Jawa dan Bugis. Pengumpulan data daripada sumber primer adalah daripada lawatan tapak manakala sumber kedua diperolehi daripada penelitian terhadap laporan rumah tradisional di Johor. Proses pendokumentasian dijalankan melalui pemerhatian, temuramah dan gambar digital. Kaedah lawatan tapak serta pemilihan kajian kes adalah dijalankan secara tiga peringkat iaitu kajian inventori, kajian lapangan dan kajian kes. Manakala bagi kaedah analisis kajian pula dilakukan terhadap klasifikasi rumah tradisional mengikut daerah, klasifikasi rumah tradisional mengikut suku kaum, klasifikasi rumah tradisional bagi reka bentuk dan seni bina suku kaum serta perbandingan antara rumah suku kaum Jawa dan Bugis di Johor dengan rumah suku kaum Jawa dan Bugis di Kepulauan Indonesia.

1.14 Struktur Tesis

Kajian ini terbahagi kepada 6 bab iaitu:

- (a) Bab 1 adalah mengenai pengenalan serta keseluruhan gambaran kajian yang dijalankan. Dalam bab ini akan membincangkan secara umum tentang keseluruhan kajian serta mengandungi perbincangan mengenai matlamat, objektif, skop kajian, metodologi, dan permasalahan yang berlaku sewaktu kajian ini dijalankan.
- (b) Bab 2 adalah mengenai kajian literatur yang menerangkan tentang latar belakang yang menyokong kajian. Pada peringkat awal, Bab ini akan mengupas mengenai sejarah pemerintahan, sejarah kedatangan suku kaum ke Johor, budaya dan seni bina suku kaum Jawa dan Bugis di Kepulauan Indonesia serta teori-teori berkenaan dengan penghijrahan dan pembauran juga akan dibincangkan di dalam bab ini.
- (c) Bab 3 akan menerangkan mengenai metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif kajian

adalah secara kualitatif iaitu kajian literatur, kajian inventori, kajian lapangan, temubual, fotografi dan kajian kes.

- (d) Bab 4 akan menerangkan mengenai rumah-rumah tradisional Negeri Johor yang terpilih untuk dijadikan sebagai kajian kes. Kajian kes ini melibatkan rumah tradisional suku kaum Jawa dan Bugis yang terletak di tiga buah daerah; Muar, Batu Pahat dan Pontian. Penerangan akan merangkumi reka bentuk, seni bina dan lanskap bagi rumah tradisional Negeri Johor.
- (e) Bab 5 merupakan bab penganalisan data rumah tradisional Negeri Johor yang terpilih sebagai kajian kes. Data akan dianalisis mengikut daerah, suku kaum, pelan tapak, pelan lantai, dan pandangan tampak; hadapan, kanan dan kiri serta pengaruh suku kaum terhadap seni bina. Dalam bab ini juga akan menerangkan akan hasil dapatan kajian berdasarkan kepada analisa yang dijalankan.
- (f) Bab 6 pula akan membincangkan mengenai kesimpulan daripada keseluruhan kajian.

1.15 Kekangan Kajian

Antara kekangan yang dihadapi oleh penyelidik sewaktu kajian ini dijalankan adalah:

- (a) Terdapat segelintir daripada pemilik rumah tradisional enggan memberikan kerjasama sewaktu pengumpulan data dijalankan. Mereka enggan ditemuramah malahan tidak membenarkan rumahnya direkodkan dalam kajian walaupun telah diterangkan akan tujuannya.
- (b) Pemilik sedia ada tidak dapat mengenalpasti serta keliru dengan suku kaum yang diwarisi oleh keluarga mereka.

- (c) Banyak rumah tinggalan yang rosak ditemui sewaktu kajian lapangan dijalankan. Oleh itu, data tidak dapat direkodkan kerana tiada info mengenai rumah berkenaan.
- (d) Disebabkan oleh daya ketahanan kayu yang tidak tahan lama serta kos untuk membaik pulihnya yang tinggi, banyak rumah telah dijalankan ubahsuai (renovasi) dengan menggunakan bahan binaan daripada konkrit.

1.16 Kesimpulan

Johor sangat dikenali sebagai negeri yang didatangi oleh pelbagai suku kaum daripada Kepulauan Melayu, Eropah dan Asia. Daripada kesemua suku kaum tersebut, suku kaum Jawa dan Bugis adalah paling menonjol iaitu melalui penglibatan suku kaum ini dalam bidang politik dan pembangunan ekonomi di negeri Johor. Walau bagaimanapun, penyelidikan mengenai pengaruh suku kaum ini dalam membentuk kepelbagaian seni bina Johor masih belum dijalankan. Oleh yang demikian, penyelidikan ini dijalankan bagi mengkaji bagaimanakah suku kaum Jawa dan Bugis ini mempengaruhi seni bina dan reka bentuk rumah tradisional Johor yang akhirnya membentuk kepelbagaian seni bina di negeri Johor. Analisa yang dijalankan akan merangkumi budaya, gaya hidup dan seni bina suku kaum ini.

Jadual 1.1 Jurang Kajian Berdasarkan Kajian Literatur

TOPIK	TAJUK KAJIAN	PENYELIDIK	TAHUN	OBJEKTIF KAJIAN	METODOLOGI
Seni bina	1. Analisis asal mula arsitektur Banjar. Studi kasus: Arsitektur tradisional rumah bumbungan tinggi	Ira Mentayani	2008	1. untuk mengenal pasti adakah seni bina yang sedia ada kini adalah seni bina tradisional masyarakat Banjar 2. untuk mengkaji akan seni bina tradisional rumah bumbung tinggi	1. kajian literatur 2. kajian kes 3. pemerhatian
	2. Konsep ruang tradisional Jawa dalam konteks Budaya	J. Lukito Kartono	2005	memberi pemahaman tentang konsep ruang tradisional masyarakat Jawa	1. kajian literatur 2. pemerhatian
	3. The role and activities of Malay housewives and their influence on housing design preferences	Mayamin Yuhaniz, Mahmud Mohd Jusan	2016	1. untuk mengenal pasti perkaitan antara peranan dan aktiviti yang dijalankan oleh suri rumah dengan reka bentuk rumah	1. kajian literatur 2. kajian kes 3. pemerhatian
	4. The Serambi: Inculcation of socio-cultural values in Malay Traditional Home Design	Mawar Masri, Rodzyah Mohd Yunus, Sabarinah Sh. Ahmad	2016	untuk menghubungkan kaitkan nilai budaya terhadap ruang serambi rumah tradisional melayu	1. kajian literatur 2. kajian kes
	5. Application of topophilia concepts in the architecture of the Bugis house	Wasilah Josef Prijotomo, Murni Rachmawaty		untuk memahami akan penerapan konsep topophilia dalam seni bina rumah tradisional Bugis	

	6. Senibina Jawa-Hindu kepada Islam: Satu kajian terhadap idea dan bentuk	Mohd Farid Bin Amir	1989	mencari perkaitan antara seni bina Jawa-Hindu terhadap Islam	1. kajian literatur 2. kajian kes
Sejarah	1. Sejarah kedatangan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor	Rahilah Omar, Khazin Mohd Tamrin, Nordin Hussin, Nelmawarni	2009	1. untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan penghijrahan golongan Bugis ke Tanah Melayu 2. untuk mengenal pasti kawasan penempatan masyarakat Bugis di Johor	1. kajian literatur
	2. Sejarah migrasi orang Banjar ke Malaysia	Mohamed Salleh Lamry		1. untuk meninjau migrasi orang Banjar ke Semenanjung Malaysia pada awal abad ke-20 dan kini.	1. kajian literatur
	3. Masyarakat keturunan Jawa di Johor	Noriah Mohamed, Kamdi Kamil	2011	1. untuk mengenal pasti budaya yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat Jawa di Johor	1. kajian literatur 2. kajian lapangan 3. temubual 4. fotografi 5. soal selidik
	4. Sejarah awal masyarakat Arab di Johor	Mohd Sohaimi Esa	2014	1. untuk membincangkan sejarah awal masyarakat Arab di Johor pada awal abad ke 19 hingga awal abad ke 20 2. untuk mengenal pasti pola penghijrahan dan	1. kajian literatur 2. temubual 3. pemerhatian

				penempatan taburan penduduk dan corak kehidupan mereka di Negeri Johor	
	5. Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan kegiatannya dalam aspek sosio-ekonomi dan politik tempatan	Khazin Mohd Tamrin, Sukiman Bohari	2011	1. untuk mengenalpasti kawasan yang menjadi penempatan masyarakat Jawa di Pontian 2. untuk mengenalpasti peranan masyarakat Jawa dalam memperkembangkan ekonomi di Pontian	1. kajian literatur 2. temubual
	6. Orang Jawa di Selangor: Kedatangan dan penempatan	Khazin Mohd. Tamrin	1977	untuk mengenalpasti proses kedatangan dan penempatan mereka di antara tahun 1880-an hingga 1930-an	kajian literatur
	7. Migrasi Tradisi pesantren Jawa ke Malaysia awal abad ke 20	Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi	2014	1. mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan migrasi ke Tanah Melayu 2. mengenalpasti peranan sekolah pondok masyarakat Jawa di Tanah melayu	1. kajian literatur 2. temubual
Penempatan	1. Penempatan awal Jawa dan pengaruhnya dalam budaya dan senibina di Semenanjung: Pengkhususan di Negeri Johor	Hamisah bt Jais	1988	1. mengkaji sejarah awal penempatan masyarakat Jawa di Semenanjung	1. kajian literatur 2. kajian lapangan

				Malaysia 2. membandingkan ciri-ciri kesenian dan kebudayaan yang dibawa dari penempatan asal dengan kebudayaan Melayu dari pelbagai aspek rohani, jasmani dan sosial 3. mengkaji falsafah seni bina Jawa yang dipengaruhi oleh ciri-ciri Melayu semasa berlakunya asimilasi	3. fotografi 4. temubual
Landskap	1. The interaction of culture in shaping the traditional landscape of Johor's Malay landscape	Muhammasd Solehin Fitry bin Rosley, Zainul Hakim bin Muhd Zain, Noor Aimran bin Samsuddin	2014	1. untuk mengkaji peranan budaya dalam membentuk identiti landskap tradisional Melayu khususnya di Johor	1. kajian literatur 2. kajian kes 3. pemerhatian 4. kajian inventori
Pengaruh	1. Aplikasi pengaruh Islam pada interior rumah bumbungan tinggi di Kalimantan Selatan	Sriti Mayang Sari, Sherly Melinda	2004	1. untuk mengenal pasti pengaruh yang mempengaruhi pembentukan ruang dalaman rumah bumbung tinggi	1. kajian literatur 2. kajian kes
Budaya	1. Orang Jawa di Selangor: Studi tentang pembentukan identitas komunitas Jawa di	Moh. Maiwan	2011	1. untuk memahami pembentukan identiti, budaya dan tradisi	kaedah deskriptif dengan pendekatan kualitatif

	Kampung Semarang, Dengkil, Selangor-Malaysia			masyarakat di Kampung Semarang, Dengkil, Selangor 2. untuk mengetahui dan memahami bagaimana proses dan cara mereka mempertahankan identiti nilai-nilai sosial, budaya dan tradisinya	1. pemerhatian 2. temubual
	2. Amalan Rewang dalam masyarakat Jawa di Malaysia	Zainorinyana Jamoran Yana, Vivien WC Yew	2017	1. untuk mengetahui makna amalan rewang dalam masyarakat Jawa dan melibat unsur moden yang sedikit sebanyak telah mengubah cara pelaksanaan tradisi rewang 2. untuk melihat bagaimana pembahagian tugas dalam rewang serta mengetahui nilai rewang terhadap masyarakat Jawa	kualitatif (temubual dan pemerhatian)
	3. Identity and culture change of Javanese in Johor	Mifedwil Jandra, Agus Sulaiman Djamil, Hussin Salamon, Anhar Ansory, Moh. Damami Zein	2016	1. untuk memahami akan karektor dan identiti masyarakat Jawa, bagaimana pembentukan identiti ini berkait dan membentuk budaya	1. temubual 2. kajian literatur

			Melayu 2. untuk mengenalpasti karektor dan identiti masyarakat Jawa yang menyumbang kepada perubahan dalam budaya tempatan	
--	--	--	--	--

RUJUKAN

- Abdul Halim, N. (1990) Kota-Kota Melayu. 1st edn. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria, G. (1998) 'Kesultanan Melayu: Di Sekitar Persoalan Takhta Kerajaan, 1445-1945', in Nik Hassan Shuhaimi, N. A. R., Mohd, S., and Kamaruzaman, Y. (eds) Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa. 1st edn. Persatuan Sejarah Malaysia, p. 102.
- Abdullah Zakaria, G. (2009) 'Kerajaan Johor, 1721-1824: Meneliti Penglibatan Dan Peranan Bugis-Makassar', Malaysia Dari Segi Sejarah, 37.
- Abdullah Zakaria, G. and Zainal Abidin, B. (1994) Johor Dahulu dan Sekarang. Persatuan Muzium Malaysia.
- Abd. Razid, M. (2017, November 15). Utusan Online. Retrieved from Sorotan Sejarah Bugis di Tanah Melayu: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/sorotan-sejarah-bugis-di-tanah-melayu-1.552690>
- Abdullah, A., Mei Fen, S., Yean Wei, K., A. Rani, M., & Rosli, M. (2011). Kajian Sejarah dan Seni bina Warisan Rumah Pak Beddu, Lingkungan Buloe, Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, M. A. (2012). Sejarah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di Negeri Johor dari 1900 hingga 1970. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, A., Azizul, M., Tengku Ruslan, T., Sarofil, M., Lau Yee Yin, J., Tsering Sim, T. (2011). Rumah Andi Tanawali Petta Son'na, Manurunge, Tanette Riattang, Watampone (Bone), Sulawesi Selatan, Indonesia. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, N., & Jambi, J. (2017). Pusat-Pusat Pemerintahan Kesultanan Melayu Johor Membina Penempatan Awal Orang Melayu di Sepanjang Sungai Johor. Jurnal Peradaban(10), 38-61.
- Adha, I. (2015). Menjejaki Ekspedisi Belanda Ke Alam Melayu. In S. Mat Nawi, & E. Mohd Roslan, Archipelago Jejak Sequiera 1509. Jordan: Quds Publication.
- Amien, P. (2009, September 5). Retrieved 8 September, 2018, from Peta Kota Makassar: <http://makassarnewscity.blogspot.com/2009/09/peta-kota-makassar.html>

- Blogger Sepo'. (2015, Januari 11). Retrieved September 9, 2018, from Naek Tojang: <https://rahmatmenong.blogspot.com/2015/01/naek-tojang-naik-ayun.html>
- Cahaya Jauhar Sdn Bhd. (2014). *Projek Pengumpulan Sejarah Seni bina, Petempatan dan Seni bina Landskap di Negeri Johor*. Johor Bahru: Cahaya Jauhar Sdn Bhd.
- Dollah, H. (1986). *Asimilasi Budaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Dwijayanto, A. (2017). Migrasi, Adaptasi dan Tradisi Komunitas Muslim Jawa di Semenanjung Melayu. *Dialogia*, 15(2). Retrieved September 9, 2018
- Eja Pi, N. (2018, Jun 9). Ini Sul Sel Kita. Retrieved September 9, 2018, from Ritual Pesta Panen Mappadendang Suku Bugis, Sulawesi Selatan: <https://andihidayat1505.wordpress.com/2018/06/09/ritual-pesta-panen-mappadendang-suku-bugis-sulawesi-selatan/>
- Ellite, P. (2013, September 30). *Kebudayaan Masyarakat Jawa*. Retrieved September 9, 2018, from Kaka Suhendar: <https://pemulungelitd19kk.wordpress.com/2013/09/30/kebudayaan-masyarakat-jawa/>
- Embok Mosik, M. (2009). *Pusat Kebudayaan Masyarakat Bugis*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Eminkzidea. (2011, November 19). *Wisata, Budaya, Kuliner, Realita Masyarakat dan Keindahan Kota Makassar*. Retrieved September 9, 2018, from Sarung Sutera Bugis Makassar: <https://ceritamakassar.wordpress.com/2011/11/19/sarung-sutera-bugis-makassar/>
- Fakhrudin. (2017, 10 26). *Impiana*. Retrieved 8 23, 2018, from <https://www.impiana.my/8-trick-nak-atasi-masalah-suhu-rumah-panas/>
- Ghazali, A. Z. (2009). *Kerajaan Johor, 1721-1824: Meneliti Penglibatan Dan Peranan Bugis-Makassar*. *Malaysia Dari Segi Sejarah*(37), 31-70.
- Hj Daeng Matatah, H., & Hj Md Sah, S. (2011). *Sejarah Ringkas Penglibatan Orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu dan Penempatan Tradisional Masyarakat Bugis di Negeri Johor*. In M. Mohamad Rasdi, *Prosiding Konvensyen Antarabangsa Diaspora Bugis* (pp. 40-47). Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Haji Buyong, A. (1971) *Sejarah Johor*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Haziq, S. (2017) Bab 9: Migrasi Penduduk. Available at: <https://prezi.com/b4nentrhmkak/bab-9-migrasi-penduduk/> (Accessed: 4 June 2017).
- Haji Abdul Fatah, R., Rusdi, M., & Abdullah, M. (2011). Penghijrahan Masyarakat Bugis ke Alam Melayu: Kajian Kes Bugis di Indragiri Hilir Riau. Seminar Serumpun Melayu V. Indonesia: Universitas Hasanuddin Makassar, Indonesia.
- Haji Maharam, H., & Nordin, R. (2011). Tarian Bugis di Selangor. Prosiding Konvensyen Antarabangsa Diaspora Bugis. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibrahim, F., & Md Rashid, D. (2012). Rumah Haji Sawiran bin Satam, Lot 4693, Parit Semerah Darat, Kampung Semerah, Batu Pahat, Johor. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibrahim, F., Chin Hsien, P., Yin Ying, L., Chee Jye, T., Abu Bakar, M., & Badrul Hisham, M. (2010). Kajian Sejarah dan Seni bina Warisan Rumah Kadir Daeng Silki, Dusun Bura'ne, Desa Boddia, Kecamatan Galesong, Takalar, Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, A., Toorabally, M., Teh Wyshan, M., Che Rani, N., & Faizal, S. (2012). Rumah Haji Sayuti Haji Sidek, L 23 Kampung Parit Othman, Mukim 4, Parit Sulong, Batu Pahat, Johor. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, A., Wei Yang, L., Amy Lau Yin, Y., Aziz, N., Yee Ling, T., & Mohd Siraj, S. (2010). Rumah Ngati, Lingkungan Buloe, Kelurahan/Desa: Dualimpoe, Kecamatan: Maniangpajo, Kabupaten: Wajo, Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Infoblora.com. (2014, May 29). Retrieved September 9, 2018, from Sedekah Bumi Desa Galuk Kedungtuban Nanti Malam Dimeriahkan Pagelaran Wayang Kulit: <http://www.infoblora.com/2014/05/sedekah-bumi-desa-galuk-kedungtuban.html>
- Ismail, S. (2009). Pemilihan Bahasa Di Kalangan Komuniti Bugis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Kamaruddin, A. R. (2002) 'Jejak Petempatan Kesultanan Johor 1511-1718', in Md. Ismail, Z. and Dzul Karnain, A. (eds) *Jurnal Warisan Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Kamarudin, M. A., Juminan, S., Norsham, K., A. Shukur, A. A. and Aishah, W. (1979) *Rumah Encik Husin Be, Kampung Ayer Tawar, Merlimau, Melaka*. Johor.
- Kassim, T. (2011) *Sejarah Johor Dalam Pelbagai Perspektif*. Penerbit UTM Press.
- Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim, S. J. (2018) *Sejarah Kesultanan Johor*. Available at: <http://kemahkotaan.johor.gov.my/pengenalan/sejarah-kesultanan-johor/>.
- Khairunnisha, D., Roseminah, Hasanah and Welmima (2013) *Asimilasi golongan pendatang di Tanah Melayu*. Available at: <https://www.slideshare.net/khairunnisamohammad1/asimilasi-golongan-pendatang-di-tanah-melayu> (Accessed: 4 June 2018).
- Kamarulzaman, N. (2009). *Pengaruh Budaya Bugis dalam Tipologi Rumah Tradisional Melayu*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. (2018). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Retrieved Ogos 28, 2018, from <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pengaruh>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2018). Pusat Persuratan Rujukan Melayu. Retrieved Ogos 29, 2018, from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=budaya>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2018). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Retrieved Ogos 29, 2018, from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=gaya+hidup>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2018). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Retrieved Ogos 29, 2018, from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=etnik>
- M.A.Fawzi, B. (1983) *Warisan Sejarah Johor*. 1st edn. Edited by K. K. Kim. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mastor, S., Nik Hassan Shuhaimi, N. A. R. and Kamarudin, A. R. (2010) *Rumah Limas Johor: Seni bina dan Pensejarahan*. Edited by Yayasan Warisan Johor. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Mohd Sohaimi, E. (2011) *Sejarah Awal Masyarakat Arab di Johor*.
- Md Ali, K., Haji Ahmad, A., Fong Hing, K., Abd. Mansor, M., Muda, M., Abdul Rahim, N., & Mohamad, S. (1980). *Rumah Daeng Mat Diew, Kampung Parit Pechah, Muar, Johor*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamed, N., & Kamil, K. (2011). *Masyarakat Keturunan Jawa Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Mohd Sahabuddin, M. (2016, 5 13). *Majalah Sains*. Retrieved 8 23, 2018, from Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti: <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>
- Mursib, G., & Raja Shahminan, R. (2012). *Kajian Tipologi dan Dokumentasi Rumah-Rumah Bugis di Johor*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mursib, G., Mizad, A., Qaid, M., Mohameed Soid, H., & Abd Rani, N. (2011). *Kajian Sejarah dan Senibina Warisan Rumah Haji Mahmood bin Haji Abdul Kadir, 115, Kampung Parit Abdul Rahman, Benut, Pontian, Johor*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mursib, G., Phua Chu, Y., Md Nor, A., Sadat, M., A. Rahim, H., & Arini, I. (2012). *Rumah Haji Abd Ghani Abd Kadir, Pos 55 MBP 484, PCG Parit Pechah, Parit Jawa, 84160 Muar, Johor*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- M. Ag, M. (2006). *Tradisi dan Budaya Masyarakat Jawa*. *Informasi Kajian Ilmu Komunikasi*, 32(1). Retrieved September 9, 2018
- Milenia, M. (2014, Januari 11). *Drinkin a Cup of Tea*. Retrieved September 9, 2018, from *Pakaian Adat Jawa Sepanjang Sejarah*: <http://drinkin-tea.blogspot.com/2014/01/pakaian-adat-jawa-sepanjang-sejarah.html>
- Mohd Tamrin, K. (1977). *Orang Jawa di Selangor: Kedatangan dan Penempatan*. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*.
- Muhamad Yunus. (2017, Mac 14). *Makassar Terkini.id*. Retrieved September 9, 2018, from *Jangan Salah Pilih, Ini Sarung Bugis untuk Cari Jodoh dan Bersenggama*: <https://makassar.terkini.id/jangan-salah-pilih-ini-sarung-bugis-untuk-cari-jodoh-dan-bersenggama/>
- Morshidi, S. K. (2016). *Universiti Malaysia Sabah Learning Management System*. Retrieved Ogos 29, 2018, from <http://smart2.ums.edu.my/mod/forum/view.php?id=19060>
- Muhamad Razif, A. A. (2015). Retrieved Ogos 29, 2018, from *Etnik-etnik di Malaysia*: <http://zekezemo.blogspot.com/2015/09/takrif-etnik-dan-kaum.html>

- Nordin, M. (2013). Proses dan Kesan Kemasukan British ke Singapura 1819: Catatan Abdullah ABdul Kadir Munsyi Dalam Hikayat Abdullah. *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, 22(2). doi:<https://doi.org/10.22452/sejarah.vol22no2.1>
- Nuah, O. (2017, Disember 2017). Makassar Terkini.id. Retrieved from Sejarah Perubahan Ujung Pandang Menjadi Makassar: <https://makassar.terkini.id/sejarah-perubahan-ujung-pandang-menjadi-makassar/>
- Othman, M. Y. (2006) Batu Acheh: Early Islamic Gravestones In Peninsular Malaysia. 2nd edn. Departments of Museum Malaysia.
- Pratiwi, P. H. (2009). Asimilasi dan Akulturasi: Sebuah Tinjauan Konsep. Yogyakarta: Universitas Negeri Yogyakarta.
- Purnomo, D. (2004). Studi Tentang Pola Migrasi Migran Sirkuler Asal Wonogiri ke Jakarta. Semarang: Universitas Diponegoro.
- Puspitasari, A. W. (2010). Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Migrasi Sirkuler ke Kabupaten Semarang. Semarang: Universitas Diponegoro.
- Rahilah, O., Khazin, M. T., Nordin, H. and Nelmawarni (2009) 'Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor', *Jebat*, (36), pp. 41–61.
- Rahimah, A. A. (1997) *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. 1st edn. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- R.O, W. (1992). *A History of Johore*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Sariyan, A. (2016, April 16). Persepsi Keturunan Jawa di Malaysia Terhadap Bangsa Jawa Terhadap Tanah Induknya Dalam Konteks Kecerumpan Tamadun. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Skeptical Inquiry (2015) Jenis-Jenis Migrasi. Available at: <https://skepticalinquirer.wordpress.com/2015/01/22/jenis-jenis-imigrasi/> (Accessed: 3 June 2018).
- Syafika, N. (2013) *Petempatan dan Perkembangannya: Faktor yang mempengaruhi migrasi*. Available at: <https://www.slideshare.net/nursyafika3557/presentation1-27091925> (Accessed: 3 June 2018).
- S. K. (2008). Analisis Faktor Pendorong Migrasi Warga Klaten ke Jakarta. Semarang: Universitas Diponegoro.

- Tangkeallo, R. S. (2016). Pengaruh Kompas TV Terhadap Pembentukan Opini Politik Masyarakat Kecamatan Biringkanaya Kota Makasar. Makasar: Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik, Universitas Hasanuddin.
- Utusan Online. (2016). Utusan Online. Retrieved Ogos 30, 2018, from Migrasi Pada Abad ke-19: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/migrasi-pada-abad-ke-19-1.189739>
- Wartawan Sinar Harian. (2013, Oktober 29). Sinar Online. Retrieved September 8, 2018, from X-klusif: Bugis Bukan Lanun: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/x-klusif-bugis-bukan-lanun-1.215429>
- Web Sejarah: Catatan Sejarah Nasional dan Sejarah Dunia Terlengkap. (2017, Mei 24). Retrieved September 9, 2018, from Peta Pulau Jawa Lengkap dengan keterangannya: <https://www.websejarah.com/2017/05/peta-pulau-jawa-lengkap-dengan.html>
- Wikipedia. (2018, Januari 2). Retrieved September 9, 2018, from Kuda Lumping: https://en.wikipedia.org/wiki/Kuda_Lumping
- Winstedt, R. O. (1992). A History Of Johore. Kuala Lumpur: The Council of The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Yong Long, L., Sze Wei, Q., Mohd Tahir, S., Yee Wen, L., & Sharon Sik Dang, W. (2012). Rumah Beladang bin Sotimejo, Parit Baru, Mukim 18, Seri Medan, 83400 Batu Pahat, Johor. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulqarnain, I. (2018, Mac 13). Orang Johor. Retrieved September 9, 2018, from Sejarah Dan Asal Usul Seni Warisan Barongan 'Reog Ponorogo' Di Johor, Warisan Asli Keturunan Jawa: <https://www.orangjohor.com/sejarah-dan-asal-usul-seni-warisan-barongan-reog-ponorogo-di-johor-warisan-asli-keturunan-jawa.html>